

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA: PENDAHULUAN

Di dalam Bab Pertama ini, dikemukakan tajuk-tajuk yang merupakan gambaran keseluruhan kajian. Ia adalah pengenalan umum kepada kajian.

1.1 Latar Belakang Masalah Kajian

Dalam beriman kepada qada' dan qadar, setiap muslim mestilah berkefahaman jelas dan jitu agar tidak mudah diselewengkan oleh nafsu dan syaitan. Keimanan yang mantap kepada qada' dan qadar telah wujud pada generasi awal yang dididik Rasulullah s.a.w. Berbekalkan keteguhan iman, mereka membina kegemilangan tamadun Islam. Namun, zaman selepas generasi awal memperlihatkan beberapa pemikiran yang mengelirukan berhubung dengan qada' dan qadar. Malah ada yang terus menyeleweng dari ajaran Islam. Sehingga sekarang, konsep dan persoalan qada' dan qadar masih lagi menjadi tanda tanya. Akibatnya, pemikiran masyarakat menjadi bercelaru. Mereka terdedah kepada sifat-sifat negatif seperti malas, putus asa, terasa dizalimi dan berserah kepada takdir tanpa bertawakal. Permasalahan ini mendorong penulis untuk mengkaji tentang kefahaman orang Melayu di bandar Kuantan terhadap konsep qada' dan qadar dengan tepat menurut Islam.

1.2 Latar Belakang Tempat Kajian

Penulis membataskan kajian ini di Bandar Kuantan. Bandar Kuantan merupakan tempat tumpuan ramai. Boleh dikatakan penduduk dari setiap daerah di Pahang ada menetap di bandar ini, di samping terdapat juga bangsa-bangsa lain selain

daripada bangsa Melayu. Di Kuantan, pelbagai aktiviti dijalankan sama ada berbentuk agama, kebudayaan, pembangunan, perdagangan dan lain-lain. Institusi penyumbang kepada unsur-unsur kebaikan dan keburukan juga banyak terdapat di bandar ini. Di Kuantan terdapat tahap kehidupan yang berbeza akibat daripada pelbagai pekerjaan yang dilakukan oleh penduduknya. Berdasarkan kemajmukan penduduk, kepelbagaian aktiviti ekonomi dan sosial, pekerjaan dan taraf hidup yang berbeza serta pengaruh yang menyumbang kepada unsur-unsur positif dan negatif inilah penulis memilih bandar Kuantan untuk dijadikan lokasi kajian. Penulis berpendapat, ciri-ciri yang terdapat di bandar Kuantan ini juga merupakan penyumbang utama kepada kesahan kajian yang dilakukan. Berikut adalah pembentangan maklumat melalui sub-sub topik yang berkaitan dengan tempat kajian:

1.2.1 Sejarah dan Lokasi

Kuantan merupakan daerah yang termaju di Pahang, terletak di timur Negeri Pahang bersempadan dengan daerah Maran dan Jerantut di sebelah barat, daerah Pekan di selatan, daerah Kemaman di utara dan Laut Cina Selatan di sebelah timur. Bandar Kuantan pula merupakan ibu negeri kepada negeri Pahang. Mengikut hirarki perbandaran, Kuantan merupakan pusat pertumbuhan yang terbesar di Pantai Timur.¹ Sejarahnya dipercayai bermula pada tahun 1850-an² dan hal ini telah dicatatkan oleh Munsyi Abdullah di dalam bukunya *Kisah Pelayaran Abdullah*.

¹Majlis Perbandaran Kuantan, *Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Kuantan (1990-2010)*, t.p., t.t, hal 1-7.

²Alias b. Abdullah, *Sejarah Pembukaan Kuantan*, t.c., Majlis Perbandaran Kuantan, Kuantan, 1989, hal. 1.

*"Hatta pada malam Khamis datanglah sebuah perahu kecil dari Kuantan. Maka berkhabarlah ia kepada anak-anak perahu mengatakan ada perahu lanun di Tanjung Tujuh, empat puluh buah dan di Pulau Kapas pun ada, dan di Pulau Redang pun ada dan..."*³

Pada awalnya Kuantan dikenali sebagai Kampung Teruntum berdasarkan nama sejenis pokok Teruntum yang banyak didapati di situ.

1.2.2 Penempatan

Perkampungan yang pertama dikatakan dibuka oleh Haji Senik, seorang ulama yang merasal dari Patani, Selatan Thai pada tahun 1850-an di muara Sungai Teruntum iaitu di hadapan Hospital Tengku Ampuan Afzan sekarang⁴. Pada Tahun 1854, sebuah lagi perkampungan telah dibuka di hulu Kampung Teruntum oleh sekumpulan orang Melayu yang merasal daripada Kampung Kuantan di Sumatera yang diketuai oleh Encik Besar. Perkampungan tersebut kemudiannya dikenali sebagai Kampung Orang Kuantan dan lama-kelamaan dipendekkan menjadi Kuantan sahaja.

Pembukaan lombong bijih timah di Sungai Lembing pada tahun 1868 dan Gambang 1880an telah menarik kedatangan orang-orang Cina. Apabila aktiviti perlombongan bijih timah semakin berkembang beberapa kemudahan telah dibina di Kuantan seperti pasar, pelabuhan, pejabat Kastam dan kedai. Hasil daripada perkembangan ini menyebabkan orang-orang Cina mula berhijrah ke pusat bandar, manakala orang-orang Melayu yang sedia ada telah membuka penempatan di Tanjung Api, Tanjung Lumpur, Beserah, dan Tanah Putih. Menyedari hakikat perkembangan

³Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Kesah Pelayaran Abdullah ke Kelantan dan ke Judah*, diberi Pengenalan dan Atonasi oleh Kasim Ahmad, t.c., Fajar Bakti Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1981, hal. 16.

⁴Majlis Perbandaran Kuantan, *Maklumat MPK*, t.c., MPK, Kuantan, t.t. hal. 3.

pesat bandar Kuantan, maka pada 27 Ogos 1955 ibu negeri Pahang telah dipindahkan dari Kuala Lipis ke Kuantan. Kini Kuantan meliputi tujuh buah mukim iaitu Kuala Kuantan Satu, Kuala Kuantan Dua, Kuala Ulu Kuantan, Penor, Sungai Karang, Lepar dan Beserah. Tujuh buah mukim ini mewakili 63 buah kampung .

1.2.3 Pentadbiran

Sistem kerajaan tempatan bermula di Kuantan pada 1 Ogos 1913 dengan penubuhan *Kuantan Sanitary Board* yang bertanggungjawab terhadap kawalan kebersihan, kesihatan dan kawalan pembangunan.

Pada tahun 1937, *Kuantan Sanitary Board* telah digantikan dengan Lembaga Bandaran Kuantan (*Kuantan Town Board*). Pada 3 Disember 1953, Lembaga Bandaran Kuantan telah dinaikkan taraf kepada Majlis Bandaran Kuantan (*Kuantan Town Council*). Pada 1 September 1979, taraf Kuantan telah dinaikkan sekali lagi kepada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) atau *Kuantan Municipal Council*.

Kini Kuantan merupakan pusat pentadbiran dengan nilai ditambah sebanyak 18.9% (2010) yang meliputi pejabat pentadbiran utama sama ada kerajaan mahupun swasta yang memberikan perkhidmatan dari segi pentadbiran. Ia mampu memberikan perkhidmatan kepada seluruh Negeri Pahang dan beberapa bandar lain yang berhampiran seperti Chukai.⁵

⁵Majlis Perbandaran Kuantan, *Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Kuantan (1990-2010)*, hal 3-9.

1.2.4 Keluasan

Kuantan terdiri dari suatu kawasan seluas 2.960 km. persegi⁶ yang meliputi tujuh mukim iaitu Kuala Kuantan Satu, Kuala Kuantan Dua, Hulu Kuantan, Beserah, Lepar, Penor dan Sungai Karang. Daripada keluasan tersebut 25 batu persegi merupakan kawasan bercukai yang diberikan perkhidmatan perbandaran manakala bakinya merupakan kawasan pembangunan sahaja.

1.2.5 Penduduk

Kuantan merupakan daerah yang paling ramai penduduk di negeri Pahang yang terdiri daripada berbilang kaum. Dalam tahun 1980 penduduk kawasan MPK ialah seramai 131,547 orang dan jumlah ini telah bertambah pada tahun 1985 iaitu seramai 191,250 orang. Pada tahun 1991 perangkaan menunjukkan penduduk kawasan MPK telah menjangkau hingga 253,083 orang. Menurut rekod Jabatan Perangkaan Malaysia 1998 jumlah penduduk Kuantan ialah 306,800⁷. Daripada kajian didapati bahawa kaum Melayu adalah seramai 214,500 (69.90%), Cina seramai 63,400 (20.65%), India seramai 13,400 (4.38%) dan kaum-kaum lain seramai 2,100(0.68%) orang. Bilangan lelaki adalah seramai 162,400 (52.93%) orang dan kaum wanita pula seramai 144. 400 (47.07%) orang.⁸

⁶UPEN, *Data Asas, 1997*, UPEN, Kuantan, 1999, hal. 3.

⁷Sila lihat, _____, *Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur*, t.c., Majlis Perbandaran Kuantan ,t.t.p, 1990, hal.3-9.

⁸UPEN, *Data Asas, 1997*, hal. 3-6.

1.3 Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah.

Tajuk disertasi ini ialah

"Konsep Qada' dan Qadar di Dalam Islam: Suatu Kajian Tentang Kefahaman Orang Melayu di Bandar Kuantan".

Sebelum penulis menjelaskan maksud tajuk kajian, terlebih dahulu dihuraikan beberapa istilah tajuk kajian. Istilah-istilah tersebut ialah "konsep", "Islam", "qada'" dan "qadar", dan "Melayu".

Konsep adalah satu perkataan atau beberapa perkataan yang menyatakan satu idea umum tentang sifat sesuatu benda, kejadian atau fenomena atau tentang hubungan di antara fenomena dengan fenomena.⁹ Konsep atau konsepsi menurut Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan pula bererti rang, draf, rencana, rengrengan, buram, tanggapan, gagasan, pandangan, wawasan, idea, pendapat, pengertian.¹⁰

Islam pula adalah agama yang disyariatkan oleh Allah s.w.t. sejak Nabi Adam a.s. hingga Nabi Muhammad s.a.w. untuk disebarluaskan kepada umat manusia. Islam berasal daripada perkataan "*salam*" iaitu menyerah diri atau patuh atau selamat sejahtera. Pengertian ini terdapat dalam firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Ya siapa yang menyerahkan dirinya (patuh) kepada Allah dan dia berbuat kebaikan (kepada orang lain), dia memperolehi pahala dari sisi Tuhananya, dan mereka tidak merasa ketakutan dan tidak menaruh dukacita".¹¹

⁹ _____, *Ensiklopedia Malaysiana*, Edisi I, Jilid 7, t.c., Anzagain Sdn. Bhd., t.t.p., 1994, hal. 213.

¹⁰ Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1995, hal. 761.

¹¹ Maksud firman Allah, Sūrah al-Baqarah, 2:112.

Dasar-dasar agama Islam tidak pernah berubah pada setiap zaman. Islam mengajar umat manusia supaya beriman kepada Allah Yang Maha Esa, kepada para malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul, hari kiamat dan qada' dan qadar. Islam mempunyai lima kewajipan utama iaitu mengucap dua kalimah syahadat sebagai syarat kesediaan hati untuk menjadikan Islam sebagai *al-Dīn*, mendirikan sembahyang, membayar zakat, berpuasa dan menunaikan haji.

Menurut Abū al-‘lā al-Mawdūdī¹², Islam ialah agama samawi yang menyeluruh dibawa oleh nabi Muhammad s.a.w. Sifatnya yang menyeluruh ini adalah dilihat daripada sifatnya yang mencakupi pelbagai bidang kehidupan manusia, oleh itu Islam bukan semata-mata agama tetapi ia adalah satu cara hidup (*way of life*).¹³

Qada' dan **qadar** pula adalah rukun iman keenam yang wajib diimani oleh setiap mukalaf. Beriman kepada qada' dan qadar pula bererti muslim wajib beriktikad bahawa Allah telah membuat undang-undang ketentuan bagi makhluk-Nya sebelum perkara itu berlaku dan apa yang berlaku itu adalah mengikut ketetapan Tuhan sejak azali lagi. Setiap muslim juga wajib percaya bahawa Allah telah mengadakan hukum sebab akibat kepada sesuatu benda yang melahirkan qada' Tuhan padanya.¹³

¹² al-Mawdūdī, *Mabādi’ al-Islām*, al-Ri’āsah ‘Āmmah li Idārah al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Dāwah, Riyadh, 1984, hal. 46.

¹³ Maznah Awang et al., *Ensiklopedia Islam*, Jilid 8, Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad, Kuala Lumpur, 1998, hal. 191.

Kefahaman berasal daripada kata dasar “faham” yang bererti pandai tentang sesuatu hal, enga, tahu dan mengerti benar (akan sesuatu), maklum, sedar (lawan keliru).¹⁴

Melayu merujuk kepada bangsa atau keturunan yang tinggal di kepulauan Melayu. Mereka berasal dari kawasan tengah Sumatera iaitu Palembang, kemudian berkembang ke sebelah utara dan selatan termasuk Semenanjung Malaysia, Singapura, Borneo dan negeri-negeri lain di Kepulauan Melayu.¹⁵

Berdasarkan kepada huraian dan takrifan perkataan dan istilah tersebut, dapatlah dikatakan bahawa pengertian tajuk kajian ini ialah satu penyelidikan atau penghuraian tentang pandangan Islam terhadap qada’ dan qadar serta kefahaman orang Melayu di Bandar Kuantan tentang konsep tersebut dengan tepat.

Hasil dari pengertian tajuk dan aspek-aspek berkaitan dengan kajian, penulis dapat merumuskan beberapa masalah yang menjadi tumpuan utama kepada perbincangan dan akan disertai dengan proses analisis dan perbandingan iaitu:

- (i) Apakah perkara yang wajib diimani dalam akidah qada’ dan qadar, apakah aliran yang wujud mengenainya dan apakah aliran yang terpilih?
- (ii) Apakah isu qada’ dan qadar yang selalu menjadi polemik di kalangan masyarakat, apakah penyelesaiannya dan apakah kesan beriman kepada qada’ dan qadar?

¹⁴Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, hal. 475.

¹⁵_____ , *Ensiklopedia Malaysiana*, Jilid 7, hal. 312.

- (iii) Adakah kefahaman masyarakat Melayu di bandar Kuantan mengenai qada' dan qadar bertepatan dengan pandangan Islam?

Setiap masalah di atas akan penulis analisiskan dengan mendalam berpandukan maklumat yang benar supaya ia boleh dipertanggungjawabkan sebagai sebuah karya ilmiah.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini berbentuk kajian perpustakaan dan lapangan. Objektif-objektif kajian adalah untuk:-

- 1.4.1 Mengetahui dan memahami konsep asas Qada' dan Qadar sebagaimana dianjurkan oleh al-Quran dan Hadis.
- 1.4.2 Mengetahui permasalahan yang selalu dipolemikkan sekitar konsep qada' dan qadar.
- 1.4.3 Mengemukakan penyelesaian terbaik bagi setiap persoalan yang timbul berhubung dengan topik kajian.
- 1.4.4 Melaksanakan tanggungjawab seorang muslim terhadap saudaranya yang tidak sedar tentang bahayanya salah faham terhadap konsep qada' dan qadar.
- 1.4.5 Menyediakan suatu bahan bacaan dan rujukan kepada mereka yang berminat untuk mengetahui permasalahan berkaitan atau ingin melanjutkan kajian dengan lebih mendalam.

1.4.6 Memenuhi sebahagian keperluan yang dikehendaki oleh Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam di Akademi Pengajian Islam sebagai syarat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Usuluddin.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada tahap kefahaman orang Melayu terhadap konsep qada' dan qadar. Kefahaman yang dimaksudkan ialah mengetahui dan memahami perkara-perkara asas dalam akidah qada' dan qadar. Walaupun begitu, dibincangkan juga beberapa masalah yang agak rumit mengenainya pada Bab Kedua dan Ketiga. Tujuannya ialah untuk meluaskan lagi penyelidikan perpustakaan di samping membuka ruang kepada penyelidik lain untuk membuat penyelidikan lebih mendalam. Perbincangan konsep tersebut penting kerana pengukuran tahap kefahaman terhadap konsep qada' dan qadar terhenti kepada penguasaan terhadap topik-topik perbincangan yang berkaitan dengannya. Penyelidikan ini dilakukan berdasarkan penulisan terdahulu dan terkini. Subjek bagi kajian ini ialah orang Melayu beragama Islam, sementara kawasan kajian ialah Bandar Kuantan, Pahang Darul Makmur.

1.6 Metodologi Penyelidikan

Metodologi bererti "ilmu tentang cara mengadakan penelitian atau kajian".¹⁶ Ia berasal daripada bahasa Greek 'methods' yang bererti 'cara' dan 'logos' yang bererti 'ilmu'.¹⁷ Oleh itu metodologi bererti ilmu tentang cara. Metodologi adalah jalan dan

¹⁶Imam Barnadib, *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*, t.c., Yayasan Penerbitan FIP-KIP, Yogyakarta, 1982, hal. 51.

¹⁷Ibid. Lihat juga, Koentjaraningrat (ed.), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Cet. 10, Penerbit P.T. Gramedia, Jakarta, 1977, hal.7.

petunjuk kepada pengkaji di dalam memahami sesuatu objek yang menjadi sasaran kajian¹⁸. Ia mempunyai kaedah-kaedah dan trek-trek yang sistematik¹⁹. Metod pula adalah perkara terpenting dalam sesuatu kajian ilmiah kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran kajian.²⁰ Ia merupakan suatu prosedur yang mesti diikuti demi mendapat pengiktirafan dan kualiti yang tinggi di dalam penyelidikan yang dijalankan. Sesuatu kajian ilmiah akan dikira bermutu seandainya metodologi yang digunakan tepat dan sesuai dengan objektif dan tujuannya²¹.

Dalam usaha mengkaji, meneliti, menyusun, menulis dan menyempurnakan kajian ini, penulis menggunakan beberapa metod sebagai landasan terhadap kajian yang dilakukan, iaitu:

1.6.1 Metod Penentuan Subjek

Di dalam kajian ini, penulis menggunakan metod *sampling* dalam penentuan subjek kajian. Ini disebabkan oleh besarnya populasi yang menjadi subjek penelitian. Penulis cuba memilih satu kumpulan individu yang kecil bilangannya bagi mewakili keseluruhan penduduk yang lebih besar bilangannya.²² Bagi menentukan subjek kajian ini, penulis telah menjadikan orang Melayu di bandar Kuantan sebagai subjek kajian.

¹⁸Ibid. hal. 8, Lihat juga, Imam Barnadib, *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*, hal. 51.

¹⁹Ibid.

²⁰Ibid.

²¹Stephen Isaac dan William B. Michael, *Handbook In Research And Evaluation*, edisi 2, Edits Publishers, San Diego, 1990, hal. 2.

²²Wan Hashim, Ting Chiew Peh dan Shamsul Amri, *Kaedah Penyelidikan Sosial*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, hal. 2.

1.6.2 Metod Pengumpulan Data.

Metod pengumpulan data adalah usaha yang dibuat oleh pengkaji di dalam menghimpun data-data berkaitan dengan kajian daripada sumber-sumber yang diakui. Selanjutnya, data-data itu dianalisa dan ditafsir bagi tujuan penyelidikan²³. Metod pengumpulan data ini dibahagikan kepada 2 bentuk kajian iaitu Kajian Perpustakaan (*Library Research*) dan Kajian Lapangan (*Field Research*).

(a) Kajian Perpustakaan (*Library Research*)

Penyelidikan Perpustakaan ialah penyelidikan yang dilakukan oleh penulis terhadap objek-objek penelitian di beberapa buah perpustakaan dengan tujuan untuk mendapatkan data-data penelitian dalam bentuk dokumen-dokumen. Data-data tersebut dipercarolehi melalui buku, jurnal, ensiklopedia dan seumpamanya sama ada dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. Penulis mendapatkan data-data berkenaan daripada beberapa buah perpustakaan. Antara perpustakaan yang terlibat adalah seperti berikut:



Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Cawangan Nilam Puri, Kelantan.

Perpustakaan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan.

Perpustakaan Awam Kuantan.

Perpustakaan Jabatan Agama Islam Daerah Pekan.

²³Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hal. 86.

Selanjutnya, dalam melakukan kajian perpustakaan, penulis menggunakan dua metod, iaitu : Metod Historis dan Metod Dokumentasi.

:

(i) Metod Historis

Metod Historis bererti "suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian".²⁴ Ia digunakan bagi meneliti dan menganalisa segala fakta berunsurkan sejarah yang didapati.²⁵ Meskipun penulis tidak mengalaminya sendiri secara langsung, namun penulis berusaha meneliti fakta-fakta yang benar dan tepat. Penulis berhati-hati dalam menganalisis sejarah agar ia benar-benar sahih dan dapat dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna penulis dapat mengumpulkan keseluruhan fakta sejarah yang berkaitan disebabkan masa dan keadaan yang tidak mengizinkan. Penulis menggunakan metod ini dalam usaha mendapatkan data tentang:



Latarbelakang masalah, mengenai kedudukan tempat kajian penulis iaitu Bandar Kuantan di Negeri Pahang (Bab Pertama).

Sejarah bandar Kuantan, struktur pentadbiran, jumlah penduduk dan perkara yang berkaitan dengannya (Bab Pertama).

Sejarah perbincangan tentang qada' dan qadar (Bab Kedua).

²⁴Imam Barnadib, *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*, hal. 52.

²⁵Stephen Isaac dan William B. Michael, *Handbook In Research And Evaluation*, 1990, hal. 46.

(ii) Metod Dokumentasi

Metod Dokumentasi bererti "Melihat dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah yang diselidiki".²⁶ Dokumen pula bermaksud "Benda bertulis yang dapat memberikan berbagai keterangan".²⁷ Metod ini dipraktikkan di dalam mengumpul dan mengamati segala alatan bertulis atau bergambar yang bertaraf dokumentasi seperti lukisan, diari, fail-fail dan sebagainya yang relevan dengan kajian.²⁸ Oleh itu, penulis mengkaji segala bentuk dokumen samada berbentuk, buku-buku, ensiklopedia, dan sebagainya yang relevan dengan tajuk kajian ini. Setelah melakukan kajian dan penyelidikan, penulis mengolah, membuat perbandingan dan seterusnya kesimpulan. Metod ini digunakan oleh penulis dalam mendapatkan data-data untuk:

Mengkaji latarbelakang masalah, (Bab Pertama).

Mengkaji hal-hal yang berkaitan dengan tempat kajian, (Bab Pertama).

Mendapatkan data-data bagi konsep qada' dan qadar, (Bab Kedua).

Mendapatkan data untuk penulisan mengenai pandangan Islam dan cendikiawan Islam terhadap permasalahan sekitar qada' dan qadar, (Bab Ketiga).

Mendapatkan data untuk penilaian dan analisis, (Bab Keempat).

Membuat kesimpulan dan saranan, (Bab Kelima).

Dokumen yang diperolehi adalah berdasarkan kemampuan penulis. Sumber dokumentasi yang digunakan dalam kajian ini merupakan sumber pertama

²⁶*Ibid.*, hal. 55.

²⁷*Ibid.*

²⁸Abdul Halim Bin Hj. Mat. Diah, *Suatu Contoh Tentang Metodologi*, AIUM Fakulti Usuluddin, Kuala Lumpur, 1987, hal. 56.

(*premier*) dan kedua (*secunder*). Di antara yang digunakan ialah: al-Quran, Hadis, ensiklopedia, biografi, kamus-kamus dan buku-buku yang relevan dengan tajuk kajian. Metod ini digunakan antaranya bertujuan memperkuatkan data kerana ia mempunyai nilai yang tersendiri.

:

(b) Kajian Lapangan (*Field Research*)

Kajian lapangan (*Field Research*), dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan fakta mengenai qada' dan qadar daripada responden. Di dalam menjalankan kajian ini penulis menggunakan dua metod penyelidikan, iaitu:

(i) Metod Wawancara (*Interview*).

Wawancara ialah salah satu kaedah yang digunakan oleh seseorang penulis untuk mendapatkan data dan fakta dengan mewancara individu-individu tertentu. Ia bertujuan untuk mengumpulkan keterangan tentang kehidupan manusia dalam suatu masyarakat serta pendirian-pendirian mereka.²⁹ Untuk metod ini, penulis telah menjalankan sesi wawancara dengan enam orang ahli akademik yang mempunyai kepakaran atau berkait secara langsung dengan bidang akidah. Mereka ialah Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Prof. Madya. Dr. Mudasir Rosder, Salehudin bin Haji Dolah, Sirojuddin bin Aly Ali Muhamad Salah dan Safiah binti Abd. Razak. Sebelum melakukan proses wawancara penulis telah membuat persediaan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan metod ini. Metod ini penulis gunakan bagi menampung dan menguatkan lagi analisis kajian pada Bab Keempat.

²⁹Koentjaraningrat (ed.), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, hal. 129.

(ii) Metod Pemerhatian Yang Teliti (*Observation*)

Observation ialah cara pengumpulan data dengan menggunakan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian. Metod ini dipraktikkan bagi tujuan memperkuatkan sesuatu *data* atau *fakta*³⁰. Ia digunakan oleh penulis bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang kajian yang dibuat.

1.6.3 Metod Analisis Data

Proses penganalisisan dilakukan terhadap semua maklumat dan data-data yang telah terkumpul. Untuk mendapatkan analisis data yang tepat, kajian ini menggunakan beberapa kaedah yang lazim digunakan iaitu Metod Induktif, Deduktif dan Komparatif. Metod-metod ini digunakan oleh penulis di dalam bab-bab tertentu di dalam kajian ini.

(a) Metod Induktif

Metod induktif bermaksud "suatu cara menganalisis data melalui pola pemikiran bagi mencari bukti-bukti dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum".³¹ Penulis menganalisis dengan cara menghalusi setiap fakta dan selanjutnya menyimpulkan kepada suatu kesimpulan yang bersifat global³². Penggunaan metod ini dibuat dalam :

³⁰ William G. Zikmund, *Research Methods*, edisi 3, The Dryden Press, Philadelphia, 1991, hal. 142-145.

³¹ *Ibid.* hal. 52

³² Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, hal. 257.

Bab Pertama, metod tersebut digunakan ketika penulis mengupas pengertian tajuk dan perumusan masalah, penulis menghuraikan beberapa perkataan dalam tajuk dan kemudiannya membuat kesimpulan umum.

Bab Kedua, dalam bab ini perbincangan adalah berkisar tentang konsep qada' dan qadar menurut Islam dan kefahaman masyarakat tentangnya. Metod ini digunakan untuk mendapat pengertian qada' dan qadar, sebelum penulis membuat kesimpulan umum.

Bab Ketiga, metod ini digunakan dalam membincangkan mengenai persoalan-persoalan dan beberapa aspek salah faham terhadap qada' dan qadar. Daripada perbincangan, penulis mengupas persoalan dengan mendatangkan contoh-contoh atau dalil-dalil sebelum membuat kesimpulan.

Bab Kelima, ketika membuat kesimpulan dan saranan umum.

(b) Metod Deduktif

Penulis mengambil atau mengutip fakta dan maklumat yang umum, kemudian memperinci dan memecahkannya satu persatu, sehingga data itu mencapai tahap yang tuntas dan terperinci berdasarkan kemampuan penulis³³.

Metod ini digunakan secara meluas ketika penulis menganalisis data dalam setiap persoalan yang menjadi objek penelitian penulis. Metod ini digunakan dalam setiap bab kajian ini. Penggunaan metod ini jelas dalam menghuraikan tahap-tahap beriman kepada qada' dan qadar dan tahap penulisannya dengan cara memaparkan kenyataan-kenyataan daripada al-Quran dan Hadis (Bab Kedua)

³³Ibid.

(c) Metod Komparatif

Penulis menggunakan metod ini di dalam membuat kesimpulan dan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi. Perbandingan ini dibuat berdasarkan analogi, kekuatan hujah dan kefahaman yang dimiliki oleh penulis³⁴. Penulis menggunakan metod ini untuk menganalisis beberapa aspek dalam:

Bab Pertama -Pengertian tajuk.

Bab Kedua -Pandangan Islam terhadap konsep qada' dan qadar.

Bab Keempat -Analisis dan penilaian, sebagai contoh penulis mengambil pandangan Islam sebagai justifikasi ketika membuat perbandingan mengenai kefahaman orang Melayu terhadap konsep qada' dan qadar.

Bab Kelima -Kesimpulan dan saranan.

1.7 Kajian-kajian Lepas

Telah banyak tulisan dihasilkan oleh para sarjana mengenai konsep qada' dan qadar. Ada yang membuat kajian keseluruhan mengenainya dalam sebuah buku seperti *al-Qadā' wa al-Qadar* (1990) karangan 'Umar Sulaymān al-Ashqar. Buku ini membincangkan keseluruhan perkara yang berkaitan dengan takdir seperti definisi qada' dan qadar, tahap-tahap beriman kepadanya, sejarah akidah qada' dan qadar, aliran pemikiran dan persoalan mengenainya serta kesan daripada keimanan tersebut. Tidak kurang juga yang menulis bagi memperjuangkan aliran yang dipegang seperti *Mawqif*

³⁴Abdul Halim Hj. Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Metodologi*, hal. 136

al-Bashar taht Sultān al-Qadar, (1325H) karangan Muṣṭafā Ṣabrī. Dalam bukunya, beliau menyokong penuh pendapat al-Ash'arī. Dengan dalil yang pelbagai beliau menolak pendapat yang tidak sealiran dengan al-Ash'arī. Beliau menegaskan bahawa manusia pada zahirnya boleh memilih (*mukhtār*) tetapi terpaksa (*majbūr*) pada hakikatnya (*bātīn*). ;

Dalam penulisan lain, ada yang lebih menitik beratkan perbahasan kepada isu-isu takdir yang menjadi polemik di kalangan masyarakat muslim dahulu hingga sekarang. Buku-buku tersebut seperti *al-Insān Musayyar am Mukhayyar?* (1998) karangan Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṣī. Beliau adalah pemikir Islam yang aktif menulis. Sehingga sekarang beliau telah menghasilkan kurang lebih empat puluh buah buku dalam bidang syariah, falsafah, sosial, tamadun dan lain-lain. *Al-Insān Musayyar am Mukhayyar?* adalah di antara karangan terbarunya dalam bidang akidah. Seperti Muṣṭafā Ṣabrī, beliau juga berpegang kepada metod al-Ash'arī dalam menangani isu qada' dan qadar. Walau bagaimanpun beliau juga menggunakan pendapat al-Māturīdī dan mengatakan *khilāf* di antara dua imam tersebut hanyalah *lafzī*. Buku beliau banyak memberi sumbangan kepada penulis. Masaalah Qada' dan Qadar Di Dalam Islam (1981) karangan Lutpi Ibrahim juga membantu penulis dalam menyempurnakan kajian. Buku ini menganalisia warkah yang dihantar oleh al-Ḥasan al-Baṣrī (m.728M/110H) kepada Abdul Malik bin Marwan sebagai menjawab persoalan mengenai takdir. Buku-buku lain adalah seperti *Mushkilah al-Khayr wa al-Sharr fī Fikr al-Islāmī Uṣūluhā Taṭbiqātuhā* (t.t.) karangan al-Jalīnād, Pandangan Para Ahli Fikir Tentang Taqdir Dan Ikhtiar (1981), karangan Dr. Mohammad Talib,

Falsafah Takdir (1980), karangan Za'ba,³⁵ disunting oleh Hamdan Hasan, Masalah Taqdir (1988), karangan Abd Allah Nāṣīḥ Ulwān terj. A.R. Shaleh Tahmid,

Tidak kurang juga sarjana yang menghasilkan penulisan mengenai qada' dan qadar dengan menggunakan metod perbandingan. Mereka membincangkan konsep itu di kalangan ulama kalam, ahli tasauf dan ahli falsafah. Penulisan tersebut seperti *al-Qadā' wa al-Qadar fi al-Islām* (t.t.) karangan Fārūq Dusūqi yang merupakan tesis Ph.D. beliau, *Mushkilah al-Qadā' wa al-Qadar 'ind 'ulamā' al-Kalām wa al-Ṣūfiyyah* (t.t.) karangan Sanusi Daeng Mareōk, *al-Qadā' wa al-Qadar bayn al-Falsafah wa al-Dīn al-Jabr wa al-Ikhtiyār al-Asbāb wa al-Musabbabāt al-Khayr wa al-Sharr* (1979) karangan 'Abd al-Karīm al-Khatīb. Inilah buku-buku yang membincangkan secara khusus mengenai qada' dan qadar yang ditemui oleh penulis. Boleh dikatakan kesemua

³⁵Zainal Abidin Bin Ahmad (Za'ba) telah dilahirkan di Kampong Bukit Kerdas, Batu Kikir, Jempol Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 16 September 1895, bersamaan 26 Rabiul Awal, Tahun Hijrah 1313. Ibunya bernama Intan Awaluddin dari keturunan Minangkabau, Sumatra. Bapanya ialah Ahmad Kapa, keturunan Bugis,yang telah membuka Kampung Linggi. Datuk nenek Za'ba keturunan Bugis mempunyai pengaruh yang kuat dalam masyarakat Linggi ketika itu. Bapanya terkenal diKampong beliau kerana pengetahuan agamanya & beliaulah satu-satunya penduduk yang tahu membaca dan menulis huruf Melayu tidak berbaris, kini disebut sebagai tulisan jawi. Za'ba mendapat pendidikan Quran dan hukum - hukum sembahyang dari bapanya sejak berusia lima tahun, hingga beliau pandai membaca dan menulis. Ini bermakna pelajaran awal hingga keusia 12 tahun diperolehi di rumah. Pada 22 Mei 1907, Ibu Za'ba meninggal dunia. Empat puluh hari kemudian, Sekolah Melayu di Kampungnya (Sekolah Batu Kikir) dibuka. Za'ba memasuki sekolah tersebut terus ke Darjah III. Setelah beberapa bulan bersekolah di Jempol, ayahnya menghantarnya bersekolah di Linggi dalam Darjah IV dan V, 1907 - 1909. Pada sebelah petangnya, Za'ba belajar nahu Arab daripada Tuan Guru di Kampong Linggi. Pada bulan Jun 1916, Za'ba mula bertugas sebagai 'Assistant Master' di English College,di Johor Bahru. Pada masa tersebut, beliau berpeluang mempelajari nahu Arab daripada Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Apabila sheikh Tahir berhenti untuk berpindah kembali ke tempat isterinya di Kuala Kangsar secara kebetulan, Za'ba juga ditugaskan ke Malay College,Kuala Kangsar. Za'ba meneruskan pelajarannya dengan Sheikh Tahir sehingga 1920. Semasa belajar dengan Sheikh Tahir, Za'ba mula berkenalan dengan buku - buku nahu Arab yang ditulis oleh orang-orang Inggeris dan kamus Dwi-Bahasa Arab-Inggeris. Za'ba banyak berjaya menjaga bahasa Melayu agar jangan terlepas kaitannya dengan roh dan jiwa Islam dan dia pun seorang islam yang berhaluan Kaum Muda dan berfahaman menurut ajaran Jamaluddin Al-Afghani dan Mohamad Abdur. Sila lihat, Teratak Za'ba, <http://nsembilan.jkr.gov.my/Galleri/Teratak.html>, 25 Mei 2001. Lihat juga, Teratak Za'ba: Memorial – Untuk Seorang Pejuang Bangsa <http://www.bahau.com.my/malay/teratak.htm>, 25 Mei 2001. Lihat juga, Za'ba dan Melayu, <http://tengku.brinkster.net/buku00.asp?catID=1&ID=34> , 25 Mei 2001.

buku tersebut memberi sumbangan dalam menyelesaikan kajian penyelidikan penulis sama ada sedikit atau banyak.

Oleh kerana beriman kepada qada' dan qadar adalah salah satu daripada rukun iman, banyak karangan para sarjana mengenai iman atau akidah membincangkannya. Perbezaannya ialah sama ada konsep tersebut dibincang dengan panjang lebar atau sekadar memenuhi tuntutan asas. Ketika membincangkan asas beriman kepada akidah qada' dan qadar penulis berpandukan kepada *al-Dīn al-Khāliṣ* (1995) karangan *al-Sayyid Muḥammad Siddīq Ḥasan al-Qanūjī* dan *al-Imān Arkānuḥ Ḥaqīqatuh, Nawāqiḍuh* (1995) karangan *Muḥammad Na'im Yāsin*.

Di antara buku yang membantu penulis ketika membincangkan tahap-tahap beriman kepada qada' dan qadar dan penulisannya ialah *al-Shari'ah*, (1893) karangan Abū Bakr bin al-Ḥusayn al-Ājurrī, *Shifā' al-Ālīl fī Mas'alah al-Qadā' wa al-Qadar wa al-Hikmah wa al-Ta'līl* (1398H) karangan Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Ma'ārij al-Qabūl* (t.t.) karangan Hāfiẓ bin Aḥmad, *al-Hakamī* dan *Itiqād Ahl al-Sunnah* (1402H) karangan Hibah Allah bin al-Ḥasan bin Manṣūr al-Lālakā'i.

Mengenai aliran pemikiran dalam qada' dan qadar, penulis banyak merujuk buku-buku seperti *al-Farq bayn al-Firaq wa Bayān al-Firqaḥ al-Nājiyah minhum* (1987) karangan Abd al-Qāhir bin Tāhir al-Baghdādī, *Kitāb al-Mawāqif* (1997) karangan 'Uḍad al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin Aḥmad al-Ījī, *Sharh Usūl al-Khamsah* (1965) karangan al-Qāḍī 'Abd al-Jabbār, *Kitāb al-Milal wa al-Nihāl* (t.t.) karangan al-Sihristānī, *Majmū' Fatāwā* (jilid 8,1991) karangan Ibn Taymiyyah, *Kitāb al-Arba'īn fi - Usūl al-Dīn* (1988) karangan al-Ghazālī, *al-Masa'il al-Khamsūn fi Usūl al-Dīn* (1990)

karangan Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyah `an al-Firaq al-Hālikīn* (1983) karangan al-Asfarāyīnī, *al-Ibānah `an Uṣūl al-Diyānah* (1408H) karangan al-Ash`arī, *Mudhakkirah al-Tawhīd wa al-Firaq* (1993) karangan al-Sayyid Ḥasan Mutawallī dan Teology Islam Aliran-aliran Sejarah Analisa Perbandingan (t.t.), karangan Harun Nasution

Di antara buku yang menyentuh tajuk tersebut dengan padat termasuk persoalan takdir ialah *Fatawā al-`Aqīdah* (1993) karangan Muḥammad Ṣāliḥ Uthaimīn, *al-`Aqā'īd al-Islāmiyyah* (1992), karangan al-Sayyid Sābiq, *Risālah al-Tawhīd* (1994) karangan Muḥammad `Abduh, *Irshād al-Anām fī `Aqā'īd al-Islām* (1985) karangan Maḥmūd Ṣāliḥ al-Baghdādī, *Hurriyyat al-Insān fī Zill Ubūdiyyatih li Allah* (1992) dan *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah Wujūd al-Khāliq wa Waṣīlat al-Makhlūk* (1411H) karangan Muḥammad Sa`īd Ramaḍān al-Būṭī, *Sharḥ Jawharah al-Tawhīd* (1971) karangan Ibrāhīm al-Bājuri, *Aqīdah al-Muslim* (1990) karangan Muḥammad al-Ghazālī, *Rasā'il al-Jāhiẓ* (1991) karangan al-Jāhiẓ, *al-Fatāwā Kull mā Yuhimm al-Muslim fī ḥayātih wa Yawmih wa Ghadīh* (t.t.) karangan Muḥammad Mutawallī al-Shārāwī, *Talbīs Iblīs* (1985) karangan Ibn al-Jawzī, *Majmū` Fatāwā* (jilid 8, 1991) karangan Ibn Taymiyyah, *al-`Aqīdah al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, (1994) karangan Abd al-Rahmān Ḥasan Ḥanabbakah, *Mafāhīm Yanbaghī an Tuṣalīḥah* (1992) karangan Muḥammad Quṭb, *al-Islām `Aqīdah wa Shari`ah* (1997) karangan Maḥmūd Shaltūt, *Ta'ammulāt fī al-Dīn wa al-Ḥayāh* (1992) karangan Muḥammad al-Ghazālī, *Tarīf Ām bi Dīn al-Islām al-Juz' al-Awwal fī al-`Aqīdah* (1974) karangan Ali al-Ṭanṭāwī, *Dalā'il al-Tawhīd* (1997) Muḥammad Jāmāl al-Dīn al-Qasīmī dan *Permasalahan Akidah Tauhid Pegangan Setiap Muslim* (1995), karangan Ishak Din-

dan Harun Din. Buku-buku ini dirujuk terutamanya ketika membincangkan pemasalahan sekitar qada' dan qadar.

Di samping membincangkan perkara lain yang berkaitan dengan takdir, buku dibawah juga membentangkan kesan beriman kepada qada' dan qadar. Justeru, ia banyak juga menjadi rujukan penulis. Buku-buku tersebut seperti *al-Kawāshif al-Jaliyyah an Ma'āni al-Wāsiṭiyah* (t.t.) karangan Abd al-'Azīz Muḥammad al-Salmān, *Madārij al-Sālikin* (1990) karangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Silsilah Shu'ab al-Imān al-Šabr alā al-Maṣā'ib* (1993) karangan Asad Muḥammad Sa'īd al-Šaghārjī, *Iqāz al-Himām fī Sharḥ al-Hikam* (1982) karangan Aḥmad bin Muḥammad al-Ḥusaynī, *Akīdah al-Muslim wa mā Yattaṣil bihā* (1983) karangan Abd al-Ḥamīd Sā'ih, *Majmu'ah Buhūth Fiqhiyyah*, (1987) karangan 'Abd al-Karīm Zaydān dan Pelajaran Agama Islam (1971) karangan Abdul Malik Karim Amrullah.

Kesimpulannya, walaupun buku-buku di atas banyak membantu, ia tidaklah menepati seratus peratus topik kajian yang dilakukan oleh penulis. Ini kerana kajian penulis adalah intipati yang diolah daripada semua rujukan di atas. Kajian penulis juga berbeza kerana di samping kajian perpustakaan, penulis menjalankan kajian lapangan. Kajian penulis adalah mengenai kefahaman orang Melayu di bandar Kuantan terhadap konsep qada' dan qadar. Boleh juga dikatakan ia berbeza dari segi bahasa. Keseluruhan kajian lepas berbahasa Arab. Penulisan berbahasa Melayu dalam topik yang sama berbeza dengan kajian yang penulis lakukan. Sebagai contoh, *Pandangan Para Ahli Fikir Tentang Taqdir Dan Ikhtiar* (1981), karangan Dr. Mohammad Talib lebih menjurus kepada perbincangan tentang *afāl al-'ibād*. *Falsafah Takdir* (1980), karangan Za'ba dan Masaalah Qada' dan Qadar Di Dalam

Islam (1981) karangan Lutpi Ibrahim pula memfokuskan perbincangan kepada pengertian takdir yang sebenar dan menjawab persoalan sekitarnya. Jadi, topik yang dipilih oleh penulis amat *relevan* untuk dikaji.

1.8 Sistematika Penulisan

Kajian ini tertumpu kepada perbincangan mengenai konsep qada' dan qadar menurut Islam kefahaman dan orang Melayu di bandar Kuantan mengenainya dengan tepat. Kajian disertasi ini dibahagikan kepada lima bab utama yang didahului dengan pendahuluan dan diakhiri dengan penutup sebagaimana berikut:

Bab Pertama, merupakan bahagian pengenalan umum kepada kajian. Di dalamnya mengandungi pengenalan, latar belakang masalah (pengenalan ringkas bandar Kuantan yang dilihat daripada beberapa aspek iaitu: kedudukan, keluasan, jumlah penduduk, iklim, ekonomi dan pentadbiran), pengertian tajuk dan perumusan masalah, objektif kajian, skop kajian, metodologi penyelidikan, kajian-kajian lepas dan sistematika penulisan.

Bab Kedua, didahului dengan pendahuluan, diikuti dengan definisi qada' dan qadar dan erti beriman kepadanya. Seterusnya diuraikan tentang tahap-tahap beriman dengan qada' dan qadar serta peringkat-peringkat penulisan takdir yang dikuatkan dengan dalil-dalil al-Quran dan Hadis. Bab ini juga membincangkan tentang aliran-aliran yang wujud sekitar *afāl al-`ibād*.

Bab Ketiga, bermula dengan pendahuluan, diikuti dengan perbincangan tentang permasalahan dan isu qada' dan qadar yang selalu menjadi topik perbahasan seperti ilmu Allah s.w.t., fungsi dan kedudukan iradat manusia, taufik dan kesesatan, perbezaan kehidupan, kelahiran dalam fitrah, ikhtiar manusia, takdir sebagai alasan, takdir dan doa, reda terhadap ketentuan dan pendirian muslim berhadapan dengan permasalahan tersebut. Kesemua perbincangan dibuat dengan terperinci berpandukan al-Quran dan Hadis serta pandangan akal yang tidak menyimpang dari landasan Islam. Seterusnya diikuti dengan perbincangan tentang kesan beriman kepada qada' dan qadar.

Bab Keempat, membincangkan tentang laporan penyelidikan dan analisis data. Bab ini dianggap sebagai bab penilaian dan penganalisisan terhadap kefahaman masyarakat Melayu di Kuantan terhadap konsep qada' dan qadar.

Bab Kelima, adalah bab akhir dalam penulisan kajian. Ia mengandungi pendahuluan, kesimpulan hasil daripada pelbagai perbincangan berkaitan dengan kajian dan saranan sebagai penyelesaian kepada masyarakat dalam memantapkan lagi kefahaman terhadap qada' dan qadar.